


# covid-19

(15 Jun 2021) Harian Metro / p. 10



SEBUAH trak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memasuki kawasan ladang kelapa sawit untuk menutup laluan tikus di Kampung Lakai, Jelebu. Kerja memasang kawat berduri dilakukan berikutan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lakai bagi memutuskan rantaian jangkitan Covid-19. PKPD di kawasan itu bermula semalam hingga 27 Jun ini.

SEORANG pesakit kanser yang juga orang kurang upaya (OKU), Chin Kok Sang @ Chan Kok Sang, 75, dari Kuchai Lama hadir sendiri untuk menerima vaksin pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan di KPJ Tawakkal Kuala Lumpur, semalam. Beliau hadir sendiri kerana sedar akan kepentingan untuk mendapatkan perlindungan bukan sahaja untuk dirinya, malah perlindungan kepada orang lain.


- Gambar NSTP/ASWADI ALIAS




PETUGAS Hospital Pakar KPJ Tawakkal Kuala Lumpur dilihat sedang menyediakan kelengkapan sebelum memberi suntikan vaksin Covid-19 kepada seorang warga emas yang termasuk dalam golongan rentan bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) bagi Fasa 2 ketika tinjauan, semalam.



ORANG ramai membuat ujian calitan pandu lalu di sebuah klinik di Putrajaya, dalam tinjauan, semalam. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH



PELAJAR tingkatan tiga, Nur Amisya Aufa, 15, memberi tumpuan pada Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang bermula semalam selepas disambung semula selepas 25 hari bercuti berikutan situasi semasa Covid-19 yang belum menunjukkan penurunan. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH



PENIAGA kecil, Mohd Azmi Wahid, 40, sedang menggulung popia di gerainya ketika tinjauan, semalam. Tempoh lesen percuma melalui Skim Wilayah Bebas Berniaga di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang dijadual tamat pada 31 Julai ini dilanjutkan sehingga akhir tahun ini. Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa berkata, keputusan itu bagi meringankan beban lebih 4,500 penjaja berdaftar di bawah skim tersebut serta memudahkan golongan itu membuat perancangan perniagaan memandangkan negara masih berdepan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



CELIHATAN seorang warga emas berkerusi roda yang hadir untuk menerima vaksin pada Program munisasi Covid-19 Kebangsaan di Pusat Vaksinasi di Mines International Convention Centre (MIEC), semalam. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS



SEORANG warga emas, Lemian Jamal, 73, menerima suntikan vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak Kuala Pilah di Felda Kepis, semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN